

18 APR 2003

Abdullah-SARS

TIADA TEKANAN UNTUK TARIK BALIK SEKATAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak menerima sebarang tekanan untuk menarik balik sekatan masuk pelawat dari Kanada, Hong Kong dan Taiwan yang dibuat bagi mencegah penyebaran Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Katanya, penarikan balik sekatan yang dikenakan ke atas pelawat dari ketiga-tiga negara itu dilakukan kerana kerajaan berpuas hati dengan tindakan negara-negara itu yang mengadakan saringan dan pemeriksaan kesihatan ke atas rakyat mereka yang ingin ke luar negara.

Selain itu, kerajaan juga menghubungi kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara itu bagi mengetahui perkembangan SARS di negara berkenaan dari masa ke semasa, katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata demikian semasa menjawab soalan sama ada tindakan kerajaan menarik balik sekatan itu disebabkan tekanan dari mana-mana pihak. Sekatan itu dilaksanakan sejak seminggu lepas.

Semalam pejabat Abdullah mengumumkan penarikan balik sekatan ke atas pelawat dari Kanada, Hong Kong dan Taiwan manakala sekatan ke atas dua lagi negara iaitu China dan Vietnam, dikekalkan.

Abdullah berkata kebenaran untuk pelawat dari ketiga-tiga negara itu memasuki Malaysia juga adalah dengan bersyarat iaitu mesti melalui saringan kesihatan.

"Pasti dengan saringan akan lebih berkesan (dalam menangani penularan virus SARS)," katanya.

Abdullah berkata isu SARS adalah antara isu yang dibincangkan pada mesyuarat lebih tiga jam itu yang turut dihadiri oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang bercuti.

Abdullah berkata kehadiran Dr Mahathir pada sesi pertama mesyuarat itu hari ini adalah sebagai tetamu jemputan dan Perdana Menteri juga telah menyampaikan pandangannya mengenai SARS serta senario dunia yang tidak menentu pada masa ini terutama mengenai pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan kemungkinan serangan AS ke atas Syria.

Menurut Timbalan Presiden Umno itu, pada mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata adalah penting bagi negara bersiap sedia menghadapi keadaan politik dunia yang tidak menentu ini kerana ia mungkin mengancam dan membahayakan negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan kerajaan supaya perlu terus kukuh dan mengambil tindakan sewajarnya menangani kesan negatif daripada peperangan di Iraq supaya ia tidak menyebabkan keadaan negara menjadi lebih teruk, kata Abdullah.

Beliau berkata Dr Mahathir juga mahu kekuatan ekonomi dan perpaduan negara sentiasa dijaga.

"Adalah penting kita pastikan mewujudkan daya tahan dalam negara. Dalam erti kata, bagi Umno mesti sentiasa kukuh dan kuat kerana kepimpinan kerajaan hari ini adalah pada Barisan Nasional dan Umno adalah anggota parti yang penting dalam barisan itu," katanya.

-- BERNAMA

HK RV NAK